

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN – BN]**

TARIKH : 3 OGOS 2017 (KHAMIS)

SOALAN NO. 61

Minta **Menteri Belia dan Sukan** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menyelaraskan pembinaan Pusat Riadah Belia di setiap kawasan parlimen khasnya di Parlimen Kota Samarahan bagi memastikan alatan sukan sentiasa terpelihara dan mampu menarik golongan belia untuk beriadah.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) buat masa ini tiada perancangan untuk membina pusat riadah belia di setiap parlimen khususnya di Parlimen Kota Samarahan. Walau bagaimanapun KBS telah membina sebanyak 7 Gelanggang Futsal 1Malaysia di Parlimen Kota Samarahan dan bersedia untuk melihat semula cadangan pusat riadah belia untuk kegunaan belia.

Sekian, terima kasih.